

# Kalimullah, Chang dilarang buat kenyataan

**K**UALA LUMPUR: Mahkamah Tinggi semalam memerintahkan Timbalan Pengerusi The New Straits Times Press (Malaysia) Bhd, Datuk Kalimullah Hassan dan bekas Setiausaha Politik kepada Tun Dr Mahathir Mohamad, Matthias Chang, tidak membuat kenyataan terhadap sesama sendiri sehingga kes saman fitnah membabitkan mereka didengar di mahkamah.

Hakim Datuk Kang Hwee Gee yang membuat perintah itu dalam kamarnya, turut memerintahkan supaya kedua-dua pihak tidak mengeluarkan kenyataan kepada media berhubung kes berkenaan.

Ketika ditemui pemberita, peguam Manjit Singh berkata anak guamnya, Chang sudah memfailkan pembelaan pada minggu lalu bagi menjawab saman fitnah yang dikemukakan Kalimullah.

Beliau berkata, kandungan pembelaan itu menyatakan, kenyataan yang dikeluarkannya adalah satu komen yang berpatutan, penuh justifikasi dan bagi kepentingan awam.

Katanya, selain pembelaan itu, Chang juga turut memfailkan tuntutan balas membabitkan RM100 juta terhadap Kalimullah.

Kalimullah memfailkan saman RM50 juta terhadap Chang yang juga seorang peguam kerana didakwa memfitnahnya.

Kenyataan Chang yang didakwa berunsur fitnah itu dibuat pada sidang media di sini pada 13 Jun lalu dan disiarkan secara penuh oleh akhbar *Straits Times*, Singapura, pada 14 Jun lalu.

Kalimullah juga memohon perintah injunksi bagi menghalang Chang, daripada mengulangi kenyataan itu.

Dalam artikel bertajuk *Mahathir loyalist blast Abdullah's supporter* yang disiarkan akhbar Singapura itu, Chang didakwa mengeluarkan tuduhan yang berunsur fitnah terhadap Kalimullah.

Kalimullah diwakili peguam bela Prakash Menon.